

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1. LATARBELAKANG MASALAH

##### 1.1.1. Indonesia

Dari segi geografi kedudukan negara Indonesia adalah terletak di antara dua Benua, iaitu Benua Asia dan Benua Australia. Negara ini juga dikelilingi oleh dua Lautan, iaitu Lautan Indonesia dan Lautan Pasific. Kedudukan ini sangat *strategic*, sehingga menjadikannya begitu penting dalam hubungan antarabangsa. Oleh kerana itu Indonesia telah dikenali di dunia antarabangsa sejak zaman Purba lagi, bahkan telah menjadi tumpuan penghijrahan awal nenek moyang suku bangsa Melayu di Asia Tenggara.<sup>1</sup>

Penghijrahan ini berlaku secara berkumpulan dengan menyusuri pesisir pantai kepulauan Indonesia terutamanya pantai Sumatera, Jawa, Kalimantan dan Sulawesi, bahkan ke seluruh pelusok Nusantara. Adapun bangsa yang pertama berhijrah ke wilayah ini adalah Melayu *Proto* dari golongan Melayu *Polynesia* yang tersebar luas di kepulauan Pasifik. Selepas itu terjadi pula penghijrahan yang

---

<sup>1</sup> A.H. Nasution (1965), *Sejarah Perjuangan Nasional Di Bidang Bersenjata*, Jakarta: Firma Mega Bookstore, h. 19 Dan Lihat; Rudini (1992), *Profil Profinsi Republik Indonesia*, Jakarta: Yayasan Bakti Wawasan Nusantara, h. 57

kedua oleh Melayu *Deutero*, iaitu berasal dari tanah besar Benua Asia, terutamanya negeri Yunan dan sekitarnya.<sup>2</sup>

Pada ketika itu nama Indonesia masih belum terkenal, bahkan nama ini belum wujud lagi, gugusan pulau-pulau yang bertaburan di wilayah tersebut hanya dikenal sebagai gugusan pulau-pulau Hindia. Nama Indonesia pertama sekali digunakan oleh seorang ahli *Ethnology* Amerika Logan pada tahun 1850 M. Perkataan ini diambil dari dua suku kata, iaitu “*Indo*” yang bermaksud Hindia dan “*Nesia*” yang bermaksud pulau-pulau, oleh kerana itu Indonesia adalah bermaksud Negara kepulauan Hindia.<sup>3</sup>

Semenjak sebelum tahun Masihi, di perairan Asia telah terdapat kegiatan perniagaan antara negeri-negeri Asia Timur dan Asia Tenggara dengan negeri-negeri Asia Barat dan Eropah. Sebahagian besar kegiatan tersebut berlangsung di sekitar perairan Indonesia. Faktor utama kegiatan itu berlaku adalah disebabkan ia berada di kawasan garisan Khatulistiwa. Perubahan angin yang berlaku dua kali dalam setahun memudahkan perlayaran mereka. Mulai bulan Marc hingga Ogos angin bertiup dari Asia menuju Australia dan bulan September hingga Pebruari pula tiupan angin akan berubah kepada arah yang berlawanan.<sup>4</sup>

---

<sup>2</sup> Bernard H.M. Vlekke (1967), *Nusantara (Sejarah Indonesia)*, Kuala Lumpur: DBP, h. 10

<sup>3</sup> Ya'aqub Bin Hj. Hasan (t.t), *Mengenal Indonesia*, Kelantan: Mustafa Faris, h. 2

<sup>4</sup> Edi S. Ekadjadi (1975), *Penyebaran Agama Islam Di Pulau Sumatera*, Bandung: PT. Sanggarbuwana, h. 8

Oleh itu tidak hairanlah jika negeri ini banyak dikunjungi oleh pedagang asing, kerana ia merupakan tempat persinggahan mereka, bagi menunggu perubahan angin musim. Wujudnya jalan niaga yang aktif selama berabad-abad itu maka terbentuklah bandar-bandar pelabuhan di sepanjang laluan tersebut. Pantai Barat dan pantai Timur Sumatera adalah merupakan laluan yang paling penting bagi perlayaran antarabangsa, oleh itu di sekitar pantai tersebut terdapat Bandar-bandar pelabuhan seperti Barus, Lamuri, Perlak, Samudera, Pasai dan lain-lain.<sup>5</sup>

Kewujudan kota-kota pelabuhan ini menambah lagi kemasyhuran Indonesia di dunia antarabangsa sejak zaman silam. Menurut teori Prof. Rivet seorang pakar sejarah menyatakan bahawa sekitar 6000 tahun dahulu pelaut Indonesia telah berdagang ke Afrika, Sumeria, Babylonia, Australia bahkan Amerika Selatan. Perniagaan yang mereka jalankan adalah perniagaan kapur barus yang bermutu tinggi yang setaraf dengan perniagaan emas ketika itu.<sup>6</sup> Kapur barus biasanya digunakan oleh orang Afrika sebagai bahan pengawet mayat.

Beberapa buah kerajaan yang terkenal telah berdiri di wilayah Indonesia, seperti Majapahit, Sriwijaya dan lain-lain. Kerajaan-kerajaan ini telah menguasai perairan Nusantara pada satu ketika dahulu. Dengan munculnya kerajaan-kerajaan

---

<sup>5</sup> *Ibid*

<sup>6</sup> Dada Meuraxa (T.T), *Sejarah Masuknya Islam Ke Bandar Barus Sumatera Utara*, Medan: Sasterawan, h. 14

tersebut hubungan Indonesia dengan dunia luar semakin luas, sehingga terjadi pertukaran budaya yang saling mempengaruhi antara satu dengan yang lain. Mulai dari pengaruh Hindu dan Buddha sehingga Islam.

#### **1.1.1. (a). Pengaruh Hindu-Budha di Indonesia**

Sebelum kedatangan mana-mana pengaruh agama di Indonesia, masyarakat tempatan dikenali sebagai penganut *Animisme*, iaitu kepercayaan terhadap roh-roh nenek moyang serta kekuatan ghaib. Fahaman ini berasaskan kepada empat asas yang disebut sebagai “Serba Sukma” iaitu keyakinan bahawa setiap sesuatu mempunyai daya hidup dan semangat, kehidupan manusia akan dipengaruhi oleh roh, dewa-dewa serta jin. Oleh kerana itu mereka perlu mengadakan pemujaan terhadap perkara tersebut agar tidak diganggu.

Setelah beberapa kurun lamanya fahaman ini berkembang di Indonesia, datang pula pengaruh Hindu dan Buddha sebagai fahaman baru yang cuba mempengaruhi kehidupan masyarakat tempatan. Agama ini datang ke Indonesia sebagai *implikasi* hubungan dagang antara Indonesia dengan India. Melalui kapal-kapal dagang yang berlayar ke perairan Nusantara, para pendeta Hindu memanfaatkan peluang untuk menyebarkan agama tersebut ke wilayah

Nusantara.<sup>7</sup> Dalam kesempatan ini mereka turut memperkenalkan bahasa *Sanskrit* serta tulisan *Pallawa (Wenggi)* kepada masyarakat tempatan.<sup>8</sup>

Teori diatas telah dikemukakan oleh Dr. Van Leur yang mengatakan bahawa yang mengembangkan kebudayaan Hindu di wilayah Indonesia bukanlah golongan Raja-Raja, tetapi golongan Brahmana atau Pendeta.<sup>9</sup> Ada pendapat yang mengatakan bahawa agama Hindu telah diperkenalkan oleh golongan Kesatria atau Raja yang kalah berperang dan melarikan diri ke wilayah Indonesia. Namun teori ini tidak dapat diakui sebagai fakta yang benar kerana berdasarkan kepada sumber-sumber dongeng yang bersifat mitos.<sup>10</sup>

Kedatangan agama Hindu dan Buddha di wilayah ini ternyata tidaklah begitu memberikan kesan yang begitu kuat terhadap masyarakat tempatan, kerana sikap taksub mereka masih kuat terhadap fahaman *Animisme* dan *Dinamisme*. Namun kepercayaan terhadap fahaman Hindu dan Buddha ini lebih mempengaruhi golongan atasan seperti raja-raja dan pembesar istana yang mengamalkan fahaman tersebut secara mendalam.

---

<sup>7</sup> Edi S. Ekadjadi (1975), *op. cit*, h. 7

<sup>8</sup> Tuanku Lukman Sinar Basyarsyah II (1991), *Sedjarah Medan Tempo Doeoe*, Medan: T.P, h. 2

<sup>9</sup> *Monografi Daerah Sumatera Utara* (1976), Departemen Pendidikan Dan Kebudayaan Republik Indonesia-Dir. Jen Kebudayaan, Jakarta, h. 9

<sup>10</sup> *Ibid*

Setelah agama ini mulai berkembang, maka sekitar abad ke 5 Masihi datang pula gelombang baru dari India yang memperkenalkan agama Buddha serta kebudayaannya ke seluruh Nusantara. Pada ketika itu tulisan *Aksara* yang disebut sebagai *Nagari* yang merupakan asal-usul tulisan Melayu Kuno telah diperkenalkan.<sup>11</sup> Kedatangan mereka bertujuan untuk menyebarkan agama serta kebudayaan Hindu ke seluruh Nusantara. Misi ini berjalan dengan lancar disebabkan adanya hubungan baik antara India dan Asia Tenggara sejak berabad-abad lamanya.<sup>12</sup>

Pengaruh Hindu dan Buddha bukan sahaja terhadap fahaman agama, akan tetapi telah memberikan kesan terhadap sistem pemerintahan. Konsep beraja dalam masyarakat Melayu tempatan telah berubah corak kepada konsep beraja dalam budaya Hindu. Pemilihan raja adalah berdasarkan kepada keturunan lelaki atau anak yang sulung.<sup>13</sup>

Menurut ajaran agama Hindu keturunan raja-raja Melayu dialiri darah putih dari seorang Dewa Hindu atau Bhodiasatwa, seperti yang diceritakan dalam syair Tamil “*Manimekapalai*” tentang dua orang raja Melayu yang berketurunan Dewa Indera. Oleh kerana itu mereka dipuja-puja oleh penganut Hindu, kerana dianggap sebagai pahlawan yang suci. Perkara ini berlaku pada raja-raja Maja

---

<sup>11</sup> *Ibid*

<sup>12</sup> D.G.E. Hall (1972), *Sejarah Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 21

<sup>13</sup> Wan Abdul Kadir (1973), *Beberapa Aspek Masyarakat Dan Budaya Melayu*, Petaling Jaya: Masfahmi Enterprise, h. 117

Pahit yang gemar menyamakan dirinya sebagai Visnu dan isterinya pula sebagai Parawati.<sup>14</sup> Perkara ini menunjukkan bahawa raja-raja tersebut adalah sebagai lambang kesucian atau ketuhanan.

Jika ditinjau dari segi kebudayaan dan politik Asia Tenggara, konsep *kosmologis* yang meletakkan raja sebagai simbol *cosmos* (ketuhanan) dan manusia berada dibawah penguasaannya telah menjadi asas kepercayaan mereka. Konsep ini timbul bertitik tolak dari *doktrin* Hindu-Budha tentang penitisan Dewa *incarnation* dengan raja pilihannya. Justeru itu muncullah konsep Dewa Raja, dimana raja dianggap sebagai keturunan atau penitisan Dewa Siva dan Visnu, bahkan sekaligus sebagai *inkarnasi* Dewa Budha Ramayana.<sup>15</sup>

Berdasarkan keterangan diatas jelaslah bahawa konsep beraja dalam masyarakat Melayu berkaitan dengan masalah ketuhanan. Raja dalam hubungannya dengan Tuhan adalah sebagai wakil atau simbol Tuhan di atas Bumi. Sementara rakyat berada dibawah penguasaannya. Seperti halnya Jayavarman yang dianggap sebagai Siva dan Airlangga pula sebagai penjelmaan Dewa Visnu.<sup>16</sup> Oleh itu kedua-duanya dianggap suci dan sebagai lambang Tuhan.

---

<sup>14</sup> Tuanku Lukman Sinar Basyarsyah II (1986), *Sari Sejarah Serdang 2*, Medan: Departemen Pendidikan Dan Kebudayaan, h. 167

<sup>15</sup> Abdul Rahman (1989), *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*, Kuala Lumpur: Penerbit Pena Sdn. Bhd, h. 60

<sup>16</sup> *Ibid*

Pandangan seperti ini bukan hanya pada masyarakat Melayu Kuno yang dipengaruhi unsur Hindu sahaja, akan tetapi berterusan sehingga tiba kedatangan Islam ke Nusantara, kerana Islam juga menggambarkan sistem beraja dalam konteks yang hampir sama, yakni raja atau sultan adalah sebagai bayang-bayang Allah di muka bumi, iaitu melalui khalifah sebagai wakil Tuhan di muka bumi.<sup>17</sup> Namun perbezaannya adalah dalam sistem pelantikan khalifah tidak berdasarkan keturunan tetapi berdasarkan kemampuan dan keahlian seseorang dalam memimpin.

Dalam sistem ini dapat kita lihat bahawa hubungan antara raja dan rakyat terdapat garis pemisah. Golongan yang memerintah akan menerima jawatan tersebut secara turun temurun, sedangkan rakyat biasa tidak mempunyai peluang *mobility* untuk bergerak keatas, disebabkan kepercayaan bahawa golongan raja-raja mempunyai hak istimewa dan kesaktian yang luar biasa. Dari pemahaman ini maka lahirlah sistem berkasta yang membezakan tingkatan kemanusiaan dikalangan pemeluk agama Hindu.

#### **1.1.1. (b). Pengaruh Islam Di Indonesia**

Para Sejarawan tidak sependapat tentang permulaan kedatangan Islam di Indonesia. Ada pendapat yang mengatakan bahawa Islam masuk ke Indonesia sekitar abad ke-13 Masihi. Kemasukan Islam pada ketika itu dibawa langsung

---

<sup>17</sup> Nik Hasan Suhaimai Nik Abd.Rahman et al (t.t), *Sejarah Dan Proses Pemantapan Negara-Negara-Bangsa; Prosidin Kongres Sejarah Malaysia Kedua, J.I.* Persatuan Sejarah Malaysia, h. 347

oleh para saudagar Gujarat India yang telah membentuk pusat perdagangan di daerah pesisir pantai Sumatera. Pendapat ini berdasarkan penelitian terhadap batu nisan Mālik al-Sāleḥ raja Pasai yang wafat tahun 696 H (1292M).<sup>18</sup>

Penemuan terhadap batu nisan tersebut dianggap sebagai tanda wujudnya Islam di Indonesia. Namun bukti yang diambil sebagai hasil penelitian ini tidak dapat dikatakan sebagai dalil yang kuat, sebab permulaan kedatangan Islam itu belum tentu dapat diterima langsung oleh para penguasa atau raja-raja Melayu Indonesia ketika itu. Kemungkinan besar pada peringkat awal Islam telah masuk ketengah-tengah masyarakat tempatan kemudiannya barulah masuk ke dalam istana.

Penemuan-penemuan seperti ini kemungkinan besar masih berlaku dari masa kesemasa dan akan memberikan hasil penelitian yang baru, seperti penemuan batu nisan Fatimah binti Maimon bin Hibatullah wafat tahun 495 H di Gresik Jawa Timur.<sup>19</sup> Dalam penemuan ini ternyata batu nisan tersebut menunjukkan tahun yang lebih awal daripada tarikh batu nisan Mālik al-Sāleḥ di Pasai. Sementara itu kalau kita perhatikan sejarah kedatangan Islam di Indonesia jelas menunjukkan bahawa kedatangan awal Islam adalah melalui pasai, setelah itu barulah Islam berkembang ke seluruh Indonesia.

---

<sup>18</sup> MUI (1982), *Sejarah Dakwah Islamiah Dan Perkembangannya Di Sumatera Utara*, Medan: Majelis Ulama Indonesia-Sumatera Utara, h. 7

<sup>19</sup> Jogindar Singh Jessy (1970), *Tawarikh Tanah Melayu 1400-1959*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 18

Selain itu terdapat juga beberapa keterangan bertulis yang menyatakan bahawa Pulau Sumatera merupakan penempatan awal kaum Muslimin di Asia Tenggara.<sup>20</sup> Walau bagaimanapun tiada bukti-bukti yang menyatakan bilakah tarikh sebenar agama Islam mula-mula datang ke Indonesia. Oleh kerana itu dalam menentukan hal ini para ahli sejarah masing-masing mempunyai *perspective* yang berbeza antara satu sama lain.

Lazimnya para pengkaji sejarah berpegang kepada dua sumber tentang kedatangan Islam di Indonesia, iaitu sumber tempatan dan sumber asing seperti Arab, China dan Barat. Sebahagian besar sumber asing, menyatakan bahawa agama Islam masuk ke Indonesia bermula sekitar abad ke 13 Masihi. Pendapat ini berdasarkan kepada catatan pengembara China yang menerangkan bahawa satu *delegasi* dari Sumatera yang diketuai oleh dua orang Islam, iaitu Sulaiman (Sumayman) dan Samsudin (Chamsu'd-din). Kedua-duanya pernah datang menghadap ke istana Mongol dalam tahun 1281 M.<sup>21</sup>

Pendapat ini bersesuaian dengan pendapat Marco Polo pengembara Venice yang ternama dalam abad ke 13 Masihi. Dalam perjalananannya kembali dari China beliau singgah di Ferlec (Pereulak) pada tahun 1292 M,<sup>22</sup> sementara menunggu pertukaran musim angin Monsun. Menurut beliau ramai pedagang-

---

<sup>20</sup> *Ibid*

<sup>21</sup> *Ibid*, h. 18, dan lihat Edwin M. Loeb (t.t), *Sumatra Its History And People*, Singapore: Oxford University Press, h. 8

<sup>22</sup> *Ibid*, h. 9

pedagang Islam yang datang ke daerah tersebut untuk bermiaga dan sekaligus mengislamkan penduduk tempatan.<sup>23</sup> Beliau juga mengesahkan bahawa penduduk Pereulak ketika itu sudah memeluk agama Islam.<sup>24</sup> Disamping itu beliau juga mengatakan bahawa sebahagian besar penduduk Sumatera telah masuk Islam.<sup>25</sup>

Selain itu beliau juga telah mendapati sebuah batu nisan di pantai Timur Sumatera yang dipercayai batu nisan Mālik al-Sāleḥ. Batu Nisan ini membuktikan bahawa bukan sahaja penduduk daerah itu yang telah memeluk agama Islam, tetapi juga rajanya yang dikenali sebelum Islam dengan nama Meurah Silu.<sup>26</sup> Pendapat tersebut mendapat sokongan kuat dari sarjana-sarjana Barat seperti Prof. DR. Krom, Van Den Berg dan lain-lain.

Sementara sumber tempatan pula berpendapat bahawa kedatangan Islam ke Indonesia adalah sekitar abad pertama Hijriyah yang dibawa langsung dari tanah Arab.<sup>27</sup> Pendapat ini telah dikemukakan oleh Hamka dalam seminar sejarah masuknya Islam ke Indonesia yang diadakan pada 17-20 Mac 1963 di Medan. Di dalam risalahnya beliau menyatakan bahawa agama Islam datang ke Indonesia sejak abad pertama Hijriyah bersamaan dengan abad ke 7 Masihi. Kemudian

---

<sup>23</sup> D.G.E. Hall (1972), *op. cit*, h. 244

<sup>24</sup> Jessy (1970), *op. cit*, h. 18

<sup>25</sup> J.D. Legge (t.t), *Indonesia*, New Jersey-Englewood Cliffs: Prentice Hall, h. 44

<sup>26</sup> Ismail Hamid (1985), *Pengantar Sejarah Umat Islam*, Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia), h. 173

<sup>27</sup> MUI (1982), *op. cit*, h. 110

dalam abad ke 13 M mulailah berdiri kerajaan-kerajaan Islam seperti Kerajaan Samudera dan Kerajaan Pasai.<sup>28</sup>

Walaupun pendapat ini merupakan pendapat yang baru namun ianya dapat diterima secara *logic* berdasarkan fakta sejarah yang menyatakan bahawa bangsa arab telah memulakan pelayarannya ke perairan Nusantara sejak abad pertama Masihi.<sup>29</sup> Sebaliknya pada zaman tersebut para pedagang Sumatera telah menjelajahi negeri Arab dengan menggunakan perahu layar yang disebut sebagai perahu bercadik. Pendapat ini bertepatan dengan pendapat T.W. Arnold<sup>30</sup> dan J.C. Van Leur<sup>31</sup> dan juga di sokong oleh sarjana tempatan seperti Hj. Agus Salim dan H.M Zainudin.

Pendapat di atas dikuatkan juga dengan pendapat Prof. DR. Mohd. Husein Nainar seorang sarjana India. Beliau mengatakan bahawa agama Islam telah sampai ke Indonesia antara abad ke tujuh dan kelapan Masihi.<sup>32</sup> Menurut beliau sekitar abad tersebut telah terdapat penempatan orang-orang Arab Islam di pantai Barat Sumatera, bahkan dikatakan juga telah terdapat orang-orang Tasih di daerah

---

<sup>28</sup> Hj. Abdul Malik Karim Amrullah (Hamka) (1963), “Masuk Dan Berkembangnya Agama Islam Di Daerah Pesisir Sumatera Utara”; Dalam Risalah Seminar Sedjarah Masuknja Islam Ke Indonesia, Medan: Panitia Seminar Sedjarah Masuknja Islam Ke Indonesia, h. 87.

<sup>29</sup> MUI (1982), *op. cit*

<sup>30</sup> Sir Thomas W. Arnold ( ), *al-Dakwah Ila al-Islam*, Mesir: Maktabah al-Nasriyah al-Misriyah, h. 423

<sup>31</sup> Abdul Rahman Hj. Abdullah ( ), *op. cit*, h. 240

<sup>32</sup> M.D. Mansoer (1963), “Masuk Dan Berkembangnya Agama Islam Di Daerah Pesisir Utara Sumatera”; Dalam Risalah Seminar Sedjarah Masuknja Islam Ke Indonesia, Medan: Panitia Seminar Sedjarah Masuknja Islam Ke Indonesia, h. 67-68

Jawa, iaitu panggilan terhadap orang Arab dan Parsi yang beragama Islam.<sup>33</sup> Berdasarkan pendapat di atas adalah dianggarkan bahawa kedatangan Islam ke Indonesia berlaku pada zaman Dinasti Umayyah dan Abbasiah.

Hubungan antara Khalifah Muā'wiyah ibnu Abū Sufyān (661-680 M), Kahlifah pertama Dinasti Umayyah dengan Ratu Sima di pulau Jawa sekitar tahun 674 M turut menguatkan pendapat di atas. Namun hubungan ini hanya menampakkan hasil pada zaman Umar ibnu Abdil Azīz yang memerintah Dinasti Umayyah antara 717-720 M, dimana dakwahnya telah berjaya mengislamkan Srindra Varman salah seorang Raja Melayu Sriwijaya yang berasal dari kerajaan Jambi, iaitu sekitar 718 M.<sup>34</sup>

Berdasarkan dari beberapa pendapat di atas, dapat diambil kesimpulan bahawa penyebaran Islam di Indonesia khasnya di Sumatera telah terjadi sekitar abad pertama Hijriyah, namun penyebarannya secara jama'i atau menyeluruh adalah antara abad ke 12 hingga ke 14 Masihi. Seperti di Jawa umpannya Islam baru di sebarkan secara meluas sekitar abad ke 15 M oleh Wali Songo atau sembilan wali yang terkenal ketika itu<sup>35</sup>, kerana para wali tersebut telah berhasil menghapuskan pengaruh Hindu dan Buddha dikalangan masyarakat Jawa.

---

<sup>33</sup> Abdul Rahman Hj. Abdullah (1989), *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara; Sejarah Dan Perkembangannya Hingga Abad 19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, H. 100

<sup>34</sup> Hj. Abdullah Ishak (1990), *Islam Di Nusantara (Khususnya Di Tanah Melayu)*, Malaysia: Penerbit al-Rahmaniah, h. 128

<sup>35</sup> Hāmid Usmān (t.t), *Al-Muslimūn Fil Ālam*, Tripoli Libya: Mansyurāt Kuliyyah Dakwah al-Islāmīah, h. 15

Berdasarkan kepada pendapat tersebut, dapat diambil kesimpulan bahawa antara kemasukan dan perkembangan agama Islam di Indonesia melalui proses yang lama dan memakan masa yang panjang, iaitu memakan waktu berabad-abad. Sehingga antara kemasukan dan perkembangan Islam dengan kemunculan kerajaan-kerajaan Islam di Indonesia merupakan dua perkara yang perlu dibezakan.

Perkembangan Islam di rantau ini telah banyak memberi perubahan terhadap kehidupan masyarakat tempatan, terutama dalam bidang agama daripada fahaman Hindu dan Buddha beralih kepada ajaran agama Islam. Disamping perubahan terhadap fahaman agama perubahan terhadap sistem pemerintahan dan beberapa aspek lain turut berlaku. Perubahan-perubahan ini memberi laluan kepada tertegaknya beberapa kerajaan Islam di Indonesia terutamanya di Sumatera.

#### **1.1.2. Kerajaan-Kerajaan Islam Di Sumatera**

Pulau Sumatera adalah diantara ribuan pulau yang terdapat di wilayah Indonesia. Pada zaman dahulu pulau ini merupakan urat nadi perdagangan antarabangsa di Asia Tenggara. Menurut kajian, sejarah kebudayaan telah wujud di pulau ini semenjak ribuan tahun lamanya. Ahli Antropologis menyatakan bahawa pulau ini telah didiami oleh ras *Negrito* sejak zaman *Mesolithicum* (Batu Pertengahan). Ras ini meninggalkan kebudayaan Bukit Kerang yang ditemui di

kawasan sepanjang 120 KM di pantai Sumatera Timur, dari Medan hingga ke Besitang, kemudian ras melayu dari Yunan, zaman *Neolithicum* (Batu Akhir).<sup>36</sup>

Sekitar abad pertama Masihi perairan Sumatera telah menjadi daerah penghubung antara pedagang Arab, India dan China dengan Indonesia. Dengan adanya hubungan dagang tersebut, maka terjadilah hubungan kebudayaan dengan India, sehingga dalam waktu yang singkat tertegak kerajaan-kerajaan Hindu seperti kerajaan Melayu, Zabag di Jambi, Sriwijaya di Palembang, Tulangbawang di Lampung dan Kataha di Muaratakus.<sup>37</sup> Seluruh kerajaan tersebut adalah dipengaruhi unsur Hindu dan Buddha, baik dari sudut pemahaman aqidah maupun sistem pemerintahan.

Walau bagaimanapun pengaruh Hindu dan Buddha semakin lemah setelah kemunduran kerajaan Sriwijaya dalam abad ke-13 M. Pada masa yang sama pengaruh agama Islam semakin ketara dan jelas. Dimana-mana daerah di Sumatera terdapat kerajaan Islam seperti Samudera Pasai di Aceh, Haru di Sumatera Timur, Indera Giri di Riau, Pagaruyung di Minangkabau dan Melayu di Jambi.<sup>38</sup> Kerajaan-kerajaan tersebut telah menggantikan kedudukan kerajaan-kerajaan Hindu-Buddha sebelumnya. Diantara kerajaan-kerajaan Islam tersebut ialah sebagai berikut:

---

<sup>36</sup> *Almanak Sumatera (1967)*, Medan: Komando Antar Daerah Sumatera, Pantra, h. 142

<sup>37</sup> *Ibid*, h. 143

<sup>38</sup> *Ibid*

### **1.1.2. (a). Kerajaan Samudera-Pasai**

Kerajaan Samudera-Pasai adalah kerajaan Islam pertama ditegakkan di Sumatera. Kerajaan ini terletak di Pantai Timur Sumatera antara Sungai Jambu Air dan Sungai Pasai di Aceh Utara. Ibu negerinya adalah Cut Astama atau dikenali sebagai Blang Me sekarang. Pada mulanya terdapat dua buah kerajaan yang berasingan, iaitu kerajaan Samudera dan Kerajaan Pasai. Kedua-dua kerajaan ini menjadi tumpuan para pedagang antarabangsa, terutama bangsa Arab, Parsi dan India. Setelah agama Islam bertapak dan berkuasa di daerah ini, kedua-dua kerajaan tersebut digabungkan menjadi Samudera Pasai.<sup>39</sup>

Kerajaan ini berdiri atas sokongan Banī Mamlūk yang berkuasa di negeri Arab sekitar 1285-1522 M. Pada masa itu kerajaan tersebut telah menguasai negeri Mesir selepas kejatuhan Dinasti Ayyūbiyah.<sup>40</sup> Dipercayai bahawa utusan Mamlūk yang dipimpin Syeikh Ismail telah diperintahkan untuk menobatkan Meurah Silu sebagai Sultan di Samudera.<sup>41</sup> Setelah dinobatkan menjadi Sultan, Meurah Silu dikenali sebagai Sultan Mālik al-Sāleḥ.

Pada masa pemerintahan Mālik al-Sāleḥ, ramai ulama-ulama Arab dan Parsi yang datang ke negeri Samudera Pasai, bahkan negeri tersebut telah menjadi pusat agama Islam di Asia Tenggara. Di sekitar abad ke 14 Masihi diyakini

---

<sup>39</sup> Edi S. Ekadjadi (1975), *op. cit*, h. 19

<sup>40</sup> Ismail Hamid (1985), *op. cit*, h. 140

<sup>41</sup> Edi S. Ekadjadi (1975), *op. cit*, h. 19

bahawa mubaligh-mubaligh yang berasal dari negeri tersebut telah memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan agama Islam di Nusantara. Seperti di Melaka apabila ulama-ulama negeri itu menghadapi kesulitan dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang berkaitan dengan hukum Islam, maka mereka meminta bantuan kepada ulama-ulama Aceh untuk menyelesaikannya.<sup>42</sup>

### **1.1.2. (b). Kerajaan Aceh**

Kerajaan ini telah berdiri sekitar abad ke15 Masihi, iaitu selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada 1511 M. Kerajaan Aceh adalah merupakan lanjutan dari kerajaan Lamuri. Setelah kerajaan Lamuri jatuh maka, daerah-daerah bekas jajahan kerajaan tersebut terpisah menjadi kerajaan-kerajaan kecil yang berdiri sendiri. Di antara daerah-daerah tersebut kerap terjadi pertentangan politik dan pertempuran bersenjata, sehingga keadaan negeri tersebut sentiasa dalam keadaan yang tidak aman.<sup>43</sup>

Pada permulaan abad ke 16 Masishi muncullah seorang pahlawan yang berjaya menyatukan kembali daerah-daerah tersebut. Pahlawan tersebut ialah Raja Ibrahim yang berasal dari Banda Aceh.<sup>44</sup> Setelah beliau berjaya menyatukan kembali daerah-daerah tersebut, beliau mendirikan sebuah kerajaan, iaitu kerajaan

---

<sup>42</sup> T. Admansyah (t.t), *Butir-Butir Sejarah Suku Melayu Pesisir Sumatera Timur*, Medan: Yayasan Karya Budaya Nasional, h. 39

<sup>43</sup> Edi. S. Ekadjadi (1975 ), *op. cit*, h. 30

<sup>44</sup> Abdul Rahman ( 1989), *Sejarah Dan Pemikiran Islam*, *op. cit*, h. 254

Acheh. Sekitar tahun 1513 M Raja Ibrahim dinobatkan menjadi Raja Kerajaan Acheh dengan gelar Sultan Ali Mughayat Syah.<sup>45</sup>

Beliau memerintah Acheh selama lebih kurang tujuh belas tahun lamanya. Dalam jangka masa tersebut beliau telah berjaya meletakkan dasar-dasar pembangunan, pertahanan serta ekonomi di kerajaan Acheh. Sebagai suatu negara Islam, Acheh menjalin persahabatan dengan kerajaan-kerajaan Islam lain seperti Arab, India, Turki dan seluruh negeri-negeri di Asia Tenggara.<sup>46</sup> Di zaman kejayaannya kerajaan Acheh telah menguasai sebahagian besar daerah Sumatera Timur, termasuk daerah-daerah di Semenanjung Malaya.

### **1.1.2. (c). Kerajaan Haru**

Kerajaan Haru dianggarkan telah tertegak di daerah Pesisir Sumatera Timur sekitar tahun 800 M. Ianya bermula dari satu kumpulan kecil daripada golongan Melayu Muda yang bercampur-baur dengan golongan Melayu Purba. Hasil dari percampuran ini akhirnya membentuk suatu ikatan yang kuat dan akhirnya membentuk sebuah kerajaan. Menurut ahli sejarah bahwa kerajaan Haru yang paling awal adalah di daerah Besitang Sumatera Utara.<sup>47</sup>

---

<sup>45</sup> Edi S. Ekadjadi (1975), *op. cit*

<sup>46</sup> *Ibid*

<sup>47</sup> Admansyah (t.t), *Butir-Butir Sejarah Suku Melayu Pesisir Sumatera Timur*, *op. cit*, h. 17

Kerajaan ini telah berdiri di Sumatera selama lebih kurang lapan ratus tahun lamanya. Dalam perjalanan sejarahnya yang begitu panjang pusat pemerintahan Haru telah mengalami beberapa kali perpindahan dari satu negeri ke negeri yang lain. Hal ini berlaku disebabkan sistem pemerintahannya yang berentuk *konfederasi*, iaitu dengan merajakan raja yang tertua diantara raja-raja yang terdapat di dalam beberapa kerajaan di Haru, dengan demikian maka kedudukan raja yang tertua tersebut adalah menjadi pusat pemerintahan dan rajanya diberi gelar sebagai Pandewa Lima.<sup>48</sup>

Antara pusat-pusat pemerintahan Haru adalah sebagai berikut:

1. Kampung Sikandar (Besitang-Langkat) tahun 800-1024 M.
2. Kota Batu Gohor Lama (Sungai Wampu) tahun 1024-1200 M.
3. Deli Tua (Haru Deli Tua) tahun 1200-1608 M.
4. Barumun (Tapanuli Selatan) tahun 1608-1683 M.
5. Silau (Simalungun) tahun 1683 M.<sup>49</sup> (pada dua pusat pemerintahan terakhir ini keadaan Haru sudah tidak lagi berfungsi sebagai sebuah kerajaan yang berdaulat kerana sudah berada dibawah penguasaan Aceh, bahkan nama Haru sudah mula hilang dalam catatan sejarah).

Pada masa kejayaannya kerajaan Haru mengutamakan politik persahabatan kepada semua negeri-negeri yang berjiran dengannya seperti

<sup>48</sup> Admansyah (t.t), *op. cit*, h. 21

<sup>49</sup> Timbul Sir (1980), *Sejarah Kota Medan*, Medan: Y.A.S Pembina Jiwa Pancasila, h. 33

kerajaan Nagur, Simalungun, Sriwijaya dan lain-lain. Kerajaan ini telah mencapai kejayaan, kerana wujudnya rangkaian hubungan dagang yang begitu luas dengan negeri-negeri luar. Melalui bandar-bandar pelabuhan yang terkenal, Haru kerap disinggahi oleh para pedagang antarabangsa. Kemajuan Haru ketika itu hampir setanding dengan kemajuan Samudera dan Pasai di Aceh.

#### **1.1.2. (d). Kerajaan Deli**

Setelah kehancuran Haru dibawah pemerintahan Aceh, maka tertegak pula kerajaan baru, iaitu kerajaan Melayu Deli yang didirikan oleh Gocah Pahlawan, seorang panglima Aceh yang telah berjaya menakluki kerajaan tersebut. Kerajaan ini berdiri sekitar tahun 1619 M dengan pusat pemerintahan yang pertama terletak di daerah Deli Tua di sekitar 20 KM dari kota Medan.<sup>50</sup>

Pada awal pemerintahan, wilayah kerajaan Deli tidaklah begitu luas, iaitu dari daerah Deli Tua sampai ke Labuhan Deli sekarang dan lebarnya pula dari Sungai Sikambing sampai ke Percut Sungai Tuan.<sup>51</sup> Daerah-daerah yang berdekatan dengan kawasan tersebut masih belum lagi dikuasai oleh kerajaan Deli. Gocah Pahlawan pada ketika itu berusaha keras untuk menguasai daerah-daerah tersebut, kerana ingin memperluaskan wilayah pemerintahannya.

---

<sup>50</sup> Admansyah (t.t), *op. cit*, h. 151

<sup>51</sup> *Ibid*, h. 152

Dalam hal ini beliau memainkan politik *konsolidasi* dengan mengadakan perkahwinan dengan puteri para datuk dan kepala suku. Dengan adanya hubungan perkahwinan ini maka mudahlah baginya untuk menguasai daerah-daerah tersebut, kerana kedudukan beliau telah dianggap sebagai keluarga oleh kepala-kepala suku tersebut. Bermula dari sistem ini, maka lahirlah satu lembaga pemerintahan yang menyokong keatas kerajaan Melayu Deli, iaitu apa yang disebut sebagai Datuk Berempat Suku yang berkedudukan sebagai penasihat bagi Sultan dan juga berkuasa menyanggah dan melantik Sultan.

Pada asalnya kedudukan datuk-datuk tersebut adalah sebagai raja di daerahnya masing-masing. Namun setelah daerah mereka dikuasai oleh Gocah Pahlawan, maka mereka terpaksa tunduk di bawah penguasaan tersebut. Untuk mengelakkan perselisihan faham pada masa akan datang, Gocah Pahlawan telah melantik mereka menjadi orang-oang besar kerajaan Melayu Deli dengan gelar Datuk Berempat Suku. Datuk-Datuk tersebut adalah Datuk Sunggal, Datuk Hamparan Perak (Datuk Setia), Datuk Kampung Baru dan Datuk Patumbak.<sup>52</sup>

## **1.2. SKOP DAN BATASAN KAJIAN**

Dalam penulisan disertasi ini, penulis telah memilih kerajaan Melayu Deli sebagai *object* kajian, kerana menurut penulis kerajaan Melayu Deli mempunyai fakta sejarah yang banyak serta berkaitan erat dengan perkembangan masyarakat

---

<sup>52</sup> Dada Meuraxa (t.t), *Sejarah Kebudayaan Suku-Suku Di Sumatera Timur*, Medan: Penerbit Sasterawan, h. 77

Melayu dan Islam, terutamanya di daerah Sumatera Timur. Disamping itu kerajaan Melayu Deli juga telah memainkan peranan penting terhadap kemajuan Sumatera dalam bidang ekonomi serta pendidikan agama Islam.

Oleh kerana pengaruh Islam itu sangat luas, maka penulis memfokuskan kajian tentang pengaruh Islam terhadap kerajaan Melayu Deli dari beberapa sudut penting seperti pengaruh Islam terhadap pemahaman aqidah atau agama, terhadap sistem pemerintahan, terhadap sistem perundangan, terhadap sistem pendidikan dan terhadap sistem kemasyarakatan.

Penulis juga telah memfokuskan kajian terhadap aspek-aspek di atas berdasarkan bahawa di dalam suatu penyelidikan baik dalam bentuk apapun, penyelidikan atau *observasi object* tertentu tidak dapat di lakukan secara keseluruhan. Oleh kerana itu penulis hanya menghuraikan beberapa aspek tertentu yang dianggap banyak memberikan kesan dan pengaruh terhadap kehidupan masyarakat Melayu Deli, kerana penelitian terhadap sebahagian aspek tersebut dapat mewakili semua aspek-aspek yang lain.

### **1.3. PENGERTIAN TAJUK**

Penulisan disertasi ini bertujuan untuk mengkaji sejarah serta sumbangan Islam terhadap kerajaan Melayu Deli di Sumatera Timur. Dalam kajian ini penulis ingin mengadakan pembahasan terhadap perkara tersebut dengan tajuk: **Pengaruh**

### ***Islam Terhadap Kerajaan Melayu Deli: Suatu Kajian Di Medan Indonesia.***

Berdasarkan kepada tajuk di atas penulis akan menjelaskan beberapa perkataan yang dianggap perlu bagi mempermudahkannya untuk dibahas dan dibincangkan.

Perkataan “pengaruh” menurut bahasa ialah kuasa atau kesan, iaitu kuasa yang terbit daripada sesuatu (orang atau benda), kepada sesuatu yang lain atau kekuatan batin yang meninggalkan kesan kepada orang lain.<sup>53</sup> Atau dengan pengertian lain “pengaruh” ialah suatu kesan atau perubahan yang berlaku terhadap sesuatu disebabkan adanya kuasa lain atau kuasa luaran, maka berkaitan dengan kajian pengertian pengaruh, ialah beberapa kesan dan perubahan yang berlaku terhadap kerajaan Melayu Deli sesudah kedatangan Islam ke daerah tersebut.

Perkataan “Islam” berasal dari kata “Salima” yang bermaksud sejahtera<sup>54</sup> Menurut bahasa perkataan “Islam” bermaksud patuh dan berserah diri kepada Allah Ta’ala<sup>55</sup> Dalam istilah Syara’ pula perkataan “Islam” adalah agama yang terdiri daripada lima asas atau rukun yang wajib dikerjakan oleh umat Islam.<sup>56</sup>

---

<sup>53</sup> Kamus Dewan, Edidsi: 3 (1994), Hajah Noresah Bte. Baharom *et al* (ed), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 1006

<sup>54</sup> Idris al-Marbawi (1990), *Kamus al-Marbawi (Arab-Melayu)*, c. 1, Kuala Lumpur: Däu al-Fikr, h. 299

<sup>55</sup> Mustafā al-Bughā (1997), *al-Wāfi Fī Syarhi al-Arbīn al-Nawawiyah*, c. 9, Beirut: Där al-Kalim al-Tayyib, h. 17

<sup>56</sup> *Ibid*

Dalam *definisi* lain disebutkan bahawa “Islam” adalah agama langit yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W.<sup>57</sup>

Perkataan “Kerajaan” berasal dari kata “Raja” yang bermaksud orang yang mengetuai dan memerintah suatu negara.<sup>58</sup> Adapun makna “kerajaan” adalah pemerintahan atau sebuah negeri ataupun negara yang diketuai oleh raja.<sup>59</sup> Seperti kerajaan Arab Saudi yang dipimpin oleh seorang raja, kerajaan Malaysia dipimpin oleh Sultan dan lain-lain. Pada lazimnya raja yang memerintah adalah secara turun temurun.

Perkataan “Deli” adalah nama sebuah kerajaan Melayu Islam yang berdiri di Sumatera Timur sekitar tahun 1612 Masihi.<sup>60</sup> Kerajaan ini muncul setelah kehancuran kerajaan Haru akibat serangan kerajaan Aceh. Nama Deli diambil sempena tempat asal Gocah Pahlawan sebagai pegasas kerajaan Deli, iaitu Delhi Akbar di India.<sup>61</sup> Kerajaan Deli adalah salah satu di antara sekian banyak kerajaan Melayu Islam yang pernah berdiri di rantau Nusantara.

Dalam penulisan disertasi ini kajian yang dilakukan adalah mengenai pengaruh Islam terhadap kerajaan Melayu Deli. Untuk memudahkan

<sup>57</sup> Muhamad Ghassān al-Jabbān, et al (1996), *al-Daurah al-Ta'hibiyah al-Rābi'ah*, Damsyiq: Mujamma' Abū al-Nūr al-Islāmī, h. 191

<sup>58</sup> Kamus Dewan (1994), *op. cit*, h 1088

<sup>59</sup> *Ibid*

<sup>60</sup> Lah Husny (t.t), *op. cit*

<sup>61</sup> *Ibid*

pembahasannya, penulis telah membahagikannya kepada dua pengertian penting, iaitu pengertian tentang pegaruh Islam dan pengertian tentang kerajaan Melayu Deli. Dari pembahasan kedua-dua pengertian ini dapatlah diketahui pengertian tajuk yang sebenar.

Pengertian pertama, iaitu membahas tentang beberapa aspek yang mengalami perubahan setelah kedatangan Islam, iaitu sejauh mana Islam telah meninggalkan kesan dan perubahan terhadap kerajaan Melayu Deli. Pengertian kedua, iaitu pembahasan tentang latarbelakang sejarah kerajaan Melayu Deli yang meliputi masalah asal-usul kerajaan Deli serta masyarakatnya, proses pengislaman kerajaan Deli, beberapa teori dan faktor-faktor kedatangan Islam serta peranan Deli dalam mengembangkan Islam di daerah Sumatera Timur.

Sebagaimana yang diketahui bahawa kedatangan Islam dimana-mana kerajaan di Nusantara telah memberikan seuatu perubahan terhadap sistem kehidupan masyarakat, baik dari segi kehidupan beragama, kemasyarakatan bahkan terhadap sistem pemerintahan. Hal yang sama juga telah berlaku terhadap kerajaan Melayu Deli.

#### **1.4. PERUMUSAN MASALAH**

Masalah yang akan dibahas dalam disertasi ini adalah mengenai sejarah kerajaan Melayu Deli dan kehidupan masyarakat Melayu Deli serta

perkembangan Islam, pengaruh dan *implikasinya* di daerah Sumatera Timur. Pembahasan ini merangkumi beberapa hal seperti berikut:

- 1) Bagaimanakah proses perkembangan Islam dalam kerajaan Melayu Deli (Haru) ?
- 2) Apakah faktor-faktor yang mendorong perkembangan Islam di kerajaan Melayu Deli (Haru) ?
- 3) Sejauh manakah pengaruh Islam terhadap pemerintahan kerajaan Melayu Deli (Haru) ?
- 4) Bagaimanakah peranan kerajaan Melayu Deli (Haru) dalam menyebarkan Islam di daerah Sumatera Timur ?
- 5) Bagaimanakah *implikasi* perkembangan Islam tersebut terhadap kebudayaan dan perkembangan masyarakat Melayu Deli ?

## **1.5. TUJUAN PENYELIDIKAN**

Penulis telah memilih dan membuat kajian terhadap tajuk ini berdasarkan kepada beberapa tujuan seperti berikut:

1. Tujuan utama penulisan disertasi ini adalah untuk memenuhi syarat bagi memperolehi tahap kesarjanaan Bahagian pengajian Usuludin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Semoga apa yang telah penulis buat ini adalah merupakan salah satu usaha untuk meninjau

kembali sejarah kerajaan Islam di Sumatera Timur, semoga ianya memberi manfaat bagi diri penulis dan para pembaca.

2. Untuk menolak setengah pendapat yang mengatakan bahawa masyarakat Melayu adalah masyarakat yang terkebelakang dan tertinggal dari segi kemajuan. Masyarakat ini juga tidak pernah melahirkan sesuatu yang membina tamadunnya. Sementara kejayaan yang dialami kerajaan-kerajaan Melayu terdahulu adalah bergantung kepada dorongan dan pengaruh luaran.
3. Untuk mengajak masyarakat Melayu, supaya mengambil pelajaran dan ikhtibar terhadap sejarah yang telah lampau, iaitu dengan mencontohi faktor-faktor kejayaan dan menjauhi faktor-faktor penyebab kemundurannya sesuatu kerajaan.
4. Untuk menyatukan kembali masyarakat Melayu, khususnya masyarakat Melayu Deli yang semakin terpinggir akibat kelalaian sendiri dalam menghadapi cabaran zaman.

Disamping beberapa tujuan di atas penulis juga menerangkan beberapa tujuan seterusnya:

1. Untuk mengetahui latarbelakang sejarah kerajaan Melayu Deli serta asal-usul masyarakatnya.
2. Untuk mengetahui sejarah dan proses perkembangan Islam di Sumatera Utara terutamanya kerajaan Melayu Deli.

3. Untuk mengetahui beberapa faktor utama yang memainkan peranan penting dalam penyebaran agama Islam di kerajaan Melayu Deli.
4. Untuk mengadakan penyelidikan terhadap pengaruh Islam ke atas kerajaan Melayu Deli, sejauh mana pengaruh tersebut dapat membina tamadun Islam di kerajaan Melayu Deli.

## 1.6. METODOLOGI PENYELIDIKAN DAN PENULISAN

Metodologi merupakan satu cara yang paling penting dalam usaha mencapai sesuatu tujuan, misalnya untuk menguji beberapa hipotesis dengan menggunakan teknik serta alat-alat tertentu. Cara tersebut dipilih untuk digunakan oleh penyelidik setelah dinilai semua kewajarannya. Perkara ini ditinjau dari segi tujuan dan situasi penyelidikan, kerana tujuan metode penyelidikan mempunyai maksud yang luas yang biasanya perlu dijelaskan dengan lebih terperinci dan mendalam bagi setiap penyelidikan.<sup>62</sup>

Perkataan Metode adalah berasal dari bahasa Yunani “*Methodos*” yang bermaksud cara atau jalan yang berdasarkan dengan Ilmiah, maka metode berkaitan dengan masalah cara kerja, iaitu cara kerja untuk dapat memahami sesuatu yang menjadi sasaran ilmu yang bersangkutan. Sehubungan dengan itu pula, maka cabang-cabang ilmu tersebut mengembangkan metodologinya yang disesuaikan dengan *object* studi ilmu-ilmu yang bersangkutan. Metode-metode itu

---

<sup>62</sup> Winarno Surachmat (1970), *Dasar Dan Teknik Research (Pengantar Metodology Ilmiah)*, Bandung: C.V. Tarsito, h. 121

kelak merupakan jalan atau cara yang akan diguna pakai untuk lebih mendalami *object* kajian.<sup>63</sup>

Dalam suatu penyelidikan Metode sangat penting disebab nilai ilmiah yang terkandung di dalam hasil penyelidikan tertentu bergantung kepada Metode yang digunakan. Jika metode yang digunakan sesuai dan sepadan dengan permasalahan yang dibahas, ianya bakal memberikan hasil yang lebih baik. Sebaliknya jika metode yang digunakan tidak sesuai akan menjadi berkurangan nilai ilmiah yang terkandung di dalamnya. Oleh itu adalah penting bagi para penyelidik untuk memilih satu metode yang sesuai dengan *object* studi yang dicadangkan supaya bidang studi tersebut mengandungi nilai ilmiah yang tinggi.

Kecenderungan untuk melakukan yang sebaliknya iaitu dengan menyesuaikan *object* studi dengan metode yang asal ada boleh menyebabkan kesalahan yang besar.<sup>64</sup> Bagi seorang penyelidik yang bijak perlu memilih metode yang sesuai dengan bidang penyelidikan yang dikaji agar penyelidikan yang dilakukan memberikan hasil yang maksimum. Oleh itu untuk memilih metode yang hendak digunakan perlu dilakukan dengan cermat dan teliti.

Penyelidikan adalah salah satu cara yang telah diguna pakai dalam bahagian ilmu pengetahuan, ia melengkapkan cara yang lebih dahulu dikenali

---

<sup>63</sup> Koentjara Ningrat (1991), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Penerbit PT. Gramedia Pustaka Utama, h. 8

<sup>64</sup> *Ibid*

oleh manusia, iaitu dengan mengumpulkan pengetahuan dan pengalaman sepanjang perjalanan sejarah. Melalui pengamatan dan pengalaman orang dahulu kala mampu memberikan satu andaian terhadap *object* yang menjadi tumpuan perhatiannya, hasil daripada pengalaman dan pengamatan ini dijadikan sebagai kesimpulan atau ketetapan.

Pemikiran manusia semakin lama semakin berkembang dari satu tahap kepada tahap yang lebih sempurna, iaitu dengan menemukan cara yang lebih banyak memberi kepastian akan kebenaran terhadap hasil penyelidikan yang dilakukan, maka jalan itulah yang disebut sebagai metode. Dengan adanya metode ini semua usaha penyelidikan yang bersifat ilmiah akan menjadi lancar dan mudah untuk dilakukan, kerana metode yang digunakan banyak membantu untuk mendapatkan data dan fakta yang benar.

Setiap manusia ada sifat ingin tahu, baik tentang sesuatu yang berkaitan dengan dirinya, alam sekitar, masyarakat, negara bahkan segala yang terlintas di fikirannya. Rasa ingin tahu itu mendesaknya untuk mencari sутau cara yang tertentu untuk meluaskan ilmu pengetahuan dan pemikirannya. Cara yang paling berkesan adalah melalui pendidikan yang merangkumi penyiasatan atau penyelidikan, catitan maklumat-maklumat dan penganalisaan. Oleh itu setiap masalah yang timbul, sama ada dalam bidang sastera, sejarah, atau agama penyelidikan boleh dijalankan untuk mendapatkan penyelesaian dan kepastian.<sup>65</sup>

---

<sup>65</sup> Samarudin Rejab Dan Nazri Abdullah (1992), *Panduan Menulis Tesis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 1

### **1.6.1. Metode Pengumpulan Data**

Penyelidikan ialah suatu usaha yang dilakukan dengan cara pengumpulan data dan penafsiran terhadap data yang telah terkumpul. Ini disebabkan tujuan penyelidikan adalah untuk mendapatkan butir-butir tertentu atau fakta yang sebenar bagi subjek tertentu, maka pengumpulan data merupakan tahap yang penting, kerana tanpa metode ini adalah sukar bagi para penyelidik untuk mendapatkan maklumat-maklumat tertentu. Pengumpulan data dapat dilakukan dengan mengadakan penelitian secara langsung atau dengan cara mengumpulkan bahan-bahan yang berkaitan terhadap *object* yang akan dikaji.

Dalam mengumpulkan data, penyelidik memerlukan suatu pertimbangan yang teliti, agar data yang dikumpul adalah *relevan* dengan *subject* yang dikaji. Maksud data ialah *informasi* yang dikumpul dan sesuai dengan persoalan yang dihadapi, artinya data saling berkait dan berhubung dengan masalah yang diselidiki.<sup>66</sup> Jika data yang dikumpul tidak sesuai dengan perkara yang hendak diselidik maka ianya tidak sesuai digunakan sebagai data yang benar.

Sebelum melakukan pengumpulan data beberapa perkara yang harus diberi perhatian dan dilakukan oleh para penyelidik adalah memastikan bahawa data yang terkumpul sesuai dengan tujuan penyelidikan. Perkara tersebut adalah seperti berikut:

---

<sup>66</sup> Marzuki (1997), *Metodologi Riset*, Yogyakarta: BPFE-UII, h. 55

- a. Jenis data bagaimanakah yang diperlukan, adakah bersifat bersifat *kuantitatif* atau *kualitatif*.
- b. Dimana data tersebut diperolehi, adakah ia berasal dari sumber *primer*, *sekunder*, *dokumentasi* atau kajian lapangan.
- c. Bagaimana cara data tersebut diperolehi, adakah melalui *observasi* atau *komunikasi*.
- d. Berapakah jumlah data yang diperlukan dan mencukupi.<sup>67</sup>

Untuk mendapatkan data yang *relevan* penyelidik juga perlu mengadakan beberapa pertimbangan yang dianggap sangat penting dalam setiap penyelidikan. Adapun pertimbangan-pertimbangan tersebut adalah sebagai berikut:

- a. Menetapkan *reliabiliti* atau kepercayaan dan *otentisiti* data ditinjau dari tujuan penyelidikan.
- b. Masalah penyelidikan dapat dipecahkan ditinjau dari segi sumber-sumber data.
- c. Dapat dikuasai dan diketahui keadaan yang mempengaruhi sumber serta proses pengumpulan data.
- d. Perlu atau tidak diperluaskan sumber data sehingga meliputi wilayah penyelidikan atau cukup dengan membatasi pada sampel wilayah itu.
- e. Dapat atau tidak dipergunakan teknik-teknik pengumpulan data seperti yang akan diketahui oleh para penyelidik.<sup>68</sup>

---

<sup>67</sup> *Ibid*

Dalam usaha pengumpulan data dan untuk memperolehi fakta-fakta yang sesuai dan benar dalam penyusunan disertasi ini, penyelidik telah menggunakan beberapa metode yang berdasarkan kepada sumber. Data-data yang dikumpulkan berdasarkan kepada dua sumber utama, iaitu sumber *primer* atau sumber pertama dan sumber *skunder* atau sumber kedua.

Sumber *primer* adalah data yang diambil terus dan diperolehi dengan segera dari sumber data oleh penyelidik untuk tujuan yang khusus. Manakala sumber *skunder* adalah data yang dikumpulkan terlebih dahulu dan dilaporkan oleh orang di luar daripada diri penyelidik sendiri, walaupun yang dikumpul itu adalah merupakan data yang asli.<sup>69</sup>

Atau dalam kata lain sumber *primer* adalah sumber langsung *direct* seperti dokumen-dokumen dan peninggalan-peninggalan bersejarah yang memberikan berbagai macam keterangan, sementara sumber *skunder* adalah tidak langsung *indirect* seperti sumber yang diperolehi dan dibuat sebagai perubahan dari sumber pertama.<sup>70</sup>

Dalam penulisan disertasi ini penulis telah menggunakan metode pengumpulan data, iaitu dengan cara menggunakan sumber *primer* dan sumber

---

<sup>68</sup> Surachmat (1970), *op. cit*

<sup>69</sup> *Ibid*

<sup>70</sup> Imam Barnadib (1982), *Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbit FIB-IKIP, h. 55

*sekunder*. Penggunaannya dapat dilihat dalam pembahasan berikut: pembahasan latarbelakang Indonesia, sejarah kerajaan-kerajaan Islam di Sumatera, sejarah pertubuhan kerajaan Melayu Deli, struktur pemerintahan, sistem pemerintahan serta asal usul masyarakat Melayu Deli, proses penyebaran Islam di Kerajaan Melayu Deli, Faktor-faktor perkembangan Islam dan teori kedatangan Islam, serta pengaruh Islam di kerajaan Melayu Deli.

### 1.6.2. Metode Historis

Metode Historis adalah suatu cara yang *mengaplikasikan* permasalahan ilmiah dari *perspektif* sejarah suatu masalah. Dalam setiap lapangan ilmiah, sentiasa terdapat *perspektif* sejarah yang perlu diselidiki, untuk memperolehi kemampuan melihat masalah tertentu dari *perspektif* tersebut.<sup>71</sup> Metode ini juga merupakan proses yang meliputi pengumpulan dan penafsiran gejala, peristiwa atau gagasan yang timbul pada masa lampau, untuk menemukan kesimpulan yang berguna bagi memahami kenyataan sejarah, memahami situasi semasa dan meramalkan perkembangan yang akan datang.<sup>72</sup>

Dalam penulisan sejarah, seringkali terjadi kesalahan dalam memilih sumber-sumber yang boleh mengakibatkan terjadinya pemalsuan dalam penulisan sejarah. Untuk mengelakkan daripada berlakunya kesalahan dalam pemilihan sumber data, maka penyelidik hendaklah menjauhi beberapa faktor yang

<sup>71</sup> Surachmad (1970), *op. citi*, h. 123

<sup>72</sup> *Ibid*

menyebabkan kesalahan tersebut agar kajian yang dilakukan sesuai dengan peristiwa yang sebenar. Faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut:<sup>73</sup>

- a) Kecenderungan untuk mengikuti kepada suatu kepercayaan atau pendapat tertentu sahaja.
- b) Terlalu percaya terhadap sumber seorang.
- c) Tidak mampu memahami maksud yang sebenar.
- d) Kepercayaan yang salah terhadap kebenaran.
- e) Tidak mampu menempatkan sesuatu kejadian dalam hubungan urutannya yang sebenar disebabkan kerana tidak jelas atau rumitnya keadaan.
- f) Keinginan yang umum untuk mengambil hati orang-orang berkedudukan tinggi dengan memuji dan menyiarkan kemasyhuannya.
- g) Tidak tahu tentang hukum-hukum mengenai perubahan masyarakat.

Supaya tidak terjadi kesalahan dalam pemilihan sumber data, penyelidik hendaklah terlebih dahulu mengadakan kritikan-kritikan terhadap data yang dikumpul, kerana tugas penyelidik dalam penelitian sejarah ialah mengadakan penulisan semula mengenai masa lampau. Dalam penulisan semula ini semua peristiwa silam tidak dapat diulang kembali, ianya harus banyak berdasarkan dari fakta-fakta sejarah dan pemecahan persoalan berkembang atas fakta itu. Semua

---

<sup>73</sup> Charles Issawi (1962), *Filsafat Islam Tentang Sejarah (Pilihan Dari Muqaddimah Ibnu Chaldun)*, Mukti Ali (peny.), Djakarta: Tintamas, h.36

fakta yang diterima banyak bergantung kepada orang dahulu yang menjadi pelaku atau pembuat sejarah yang kini sedang diselidikinya.<sup>74</sup>

Dalam penggunaan metode historis terdapat dua macam kritikan yang lazim digunakan, iaitu kritik *intern* dan kritik *ekstern*. Kritik *intern* adalah meneliti keaslian data sama ada sumber yang asli, tiruan atau palsu. Kritik *ekstern* adalah sebagai lanjutan daripada kritik *intern*, ianya bertujuan untuk meneliti kebenaran isi data sumber. Apabila kritikan telah dilakukan barulah dapat dipercayai kebenarannya.<sup>75</sup>

Dalam penulisan disertasi ini penulis telah menggunakan metod tersebut diatas dalam beberapa bab, iaitu dalam tajuk-tajuk yang berkaitan dengan unsur-unsur sejarah seperti latar belakang sejarah Indonesia serta sejarah perkembangan Islam serta kerajaan-kerajaan Islam di Sumatera. Dengan menggunakan metode ini penulis dapat mengetahui dan mengukur sejauh mana kebenaran data dan sumber yang dijadikan sebagai sumber data.

### **1.6.3. Metode Dokumentari**

Dalam usaha pengumpulan data di dalam penyelidikan ini, penulis telah menggunakan metode *dokumentari*, iaitu suatu cara pengumpulan data dengan menggunakan dokumen-dokumen yang berhubung kait dengan masalah yang

---

<sup>74</sup> Surachmad (1970), *op. cit.* h. 126

<sup>75</sup> *Ibid*

akan dibahas. Atau dengan kata lain metode *dokumentari* ialah suatu cara pengumpulan data dengan mengadakan studi terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungannya dengan masalah yang sedang diselidiki. Adapun yang dimaksud dengan dokumen adalah benda-benda bertulis yang dapat memberikan berbagai macam keterangan serta fakta sejarah yang benar.<sup>76</sup>

Dokumen terbahagi kepada dua bahagian, iaitu primer dan sekunder. Dokumen primer merupakan sumber pertama yang terdiri dari bahan-bahan dokumen dan peninggalan-peninggalan bersejarah, seperti gambar, potret, kumpulan hukum, keputusan pengadilan atau seperti alat-alatan, pakaian, candi, prasasti dan lain-lain sebagainya.<sup>77</sup> Dokumen sekunder merupakan sumber kedua yang diperolehi, dibuat dan merupakan perubahan dari sumber pertama dan bersifat tidak langsung. Pada kebiasaannya sumber kedua adalah dokumen yang menghuraikan atau memperkatakan sumber pertama.<sup>78</sup>

Dokumen-dokumen yang dipergunakan dalam penulisan disertasi ini adalah seperti berikut:

- a. Al-Quran dan al-Hadis.
- b. Bahan-bahan bercetak seperti buku-buku sejarah, majalah dan risalah-risalah seminar.

---

<sup>76</sup> Barnadib (1992), *op. cit*, h. 55

<sup>77</sup> *Ibid*

<sup>78</sup> *Ibid*, h. 56

- c. Potret atau gambar yang mengandungi unsur-unsur sejarah yang berkaitan dengan tajuk.

#### **1.6.4. Metode Analisis Data**

Setelah pengumpulan data dilakukan dengan lengkap dan sempurna, maka dilakukan pula penganalisaan terhadap data-data yang menjadi sumber penelitian. Tahap penganalisaan data adalah tahap yang sangat penting dan menjadi penentuan. Pada tahap inilah data dimanfaatkan sehingga dapat menghasilkan kesimpulan terhadap kebenaran-kebenaran yang dapat diguna pakai untuk menjawab persoalan-persoalan yang diajukan dalam penelitian. Tahap ini juga merupakan tahap pengujian terhadap *imaginasi* dan *kreativiti* penyelidik.<sup>79</sup>

Dalam pengertian lain Metode *analisis* data disebut juga sebagai tahap pemeriksaan terhadap data untuk meyakinkan bahawa data yang masuk dan yang dikumpul telah memenuhi *standard* kelayakan. Pemenuhan *standard* ini sangat penting kerana hasil penelitian sangat bergantung kepada data yang masuk sehingga kualiti data adalah merupakan kualiti hasil.<sup>80</sup> Dalam penulisan disertasi ini penulis telah menggunakan metode analisis data yang didalam penggunaannya secara nyata melalui beberapa metode seperti berikut:

---

<sup>79</sup> Koentjara Ningrat (1991), *op. cit*, h. 269

<sup>80</sup> Ibnu Hajar (1999), *Dasar-Dasar Metodologi Penelitian Kuantitatif Dalam Pendidikan*, Jakarta: Raja Grafindo Persada, h. 209

## **A. Metode Induktif**

Metode *induktif* ialah pola berfikir yang memerlukan bukti-bukti dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum<sup>81</sup> Metode ini juga merupakan proses logik yang berangkat dari data *empiric* menerusi *obsevasi* menuju kepada suatu teori, atau dengan kata lain *induktif* adalah proses *mengorganisasikan* fakta-fakta atau hasil-hasil pengamatan yang terpisah-pisah menjadi suatu rangkaian hubungan dan kesimpulan.<sup>82</sup>

Dalam penulisan disertasi ini penyelidik telah menggunakan metode ini dengan memaparkan data-data yang bersifat khusus, yang mana kemudiannya membawa kepada suatu kesimpulan yang bersifat umum, iaitu dengan mengadakan pengujian terhadap sumber-sumber serta mempelajari hubungan antara beberapa sumber.

## **B. Metode Deduktif**

Metode *deduktif* adalah pola berfikir yang memerlukan bukti-bukti dari pada dalil umum terhadap hal-hal khusus.<sup>83</sup> Metode ini juga merupakan proses pendekatan yang bermula daripada kebenaran umum mengenai suatu *fenomena*

---

<sup>81</sup> Barnadib (1982), *op. cit.* h. 52

<sup>82</sup> Saifuddin Azwar (1998), *Metode Penelitian*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 40

<sup>83</sup> Barnadib (1982), *op. cit.* h. 52

dan menyimpulkan kebenaran tersebut pada suatu peristiwa atau data tertentu yang berciri sama dengan *fenomena* yang bersangkutan, atau dengan kata lain *deduktif* adalah berarti menyimpulkan hubungan yang tadinya tidak jelas berdasarkan kesimpulan yang sudah ada.<sup>84</sup>

Dalam penulisan disertasi ini, penulis telah menggunakan metode *induktif*, dan juga metode *deduktif*, iaitu dengan cara menarik kesimpulan dari data yang bersifat umum bagi menghasilkan kesimpulan yang bersifat khusus, atau dengan pengertian lain *deduktif* adalah suatu cara membuat kesimpulan berdasarkan kepada data atau fakta yang sedia ada.

### C. Metode Komparatif

Disamping metode *induktif* dan *deduktif* diatas, penyelidik juga menggunakan metode *komparatif*. Metode komparatif adalah satu cara untuk membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi dalam masa penelitian dilakukan.<sup>85</sup> Dalam penulisan disertasi ini penulis juga telah menggunakan metod ini, iaitu dengan mengadakan perbandingan keatas beberapa sumber data yang telah dikumpulkan untuk dianalisa bagi mendapatkan satu kesimpulan yang benar dan tepat.

---

<sup>84</sup> Azwar (1998), *op. cit*, h. 40

<sup>85</sup> Abdul Halim Mat. Diah (1986), *Filsafat Pendidikan Islam Di Institusi Pengajaran Tinggi Di Malaysia*, Tesis Doktor Falsafah (Ph.d) I.A.I.N Sunan Kalijaga , Yogyakarta, h. 136

### **1.6.5. Metode Wawancara**

Metode wawancara atau metode *interview* adalah merupakan metode yang penting untuk pengumpulan data dan maklumat sesuatu masalah atau penyelidikan tertentu. Pada kebiasaannya metod ini digunakan bagi tujuan mengumpulkan keterangan tentang *individu* atau kehidupan manusia dalam sesebuah masyarakat. Melalui wawancara penyelidik mendapatkan maklumat-maklumat yang sedang dikaji secara langsung dari *informan* mahupun *responden*.<sup>86</sup>

Dalam bidang penelitian terdapat dua jenis wawancara yang biasa digunakan, iaitu wawancara berencana dan wawancara tak berencana. Wawancara berencana adalah jenis wawancara yang terdiri dari daftar pertanyaan yang telah direncanakan dan disusun dengan teratur. Dalam persiapan ini semua responden yang telah diseleksi untuk wawancara akan ditemui dengan pertanyaan yang sama.<sup>87</sup>

Sementara Wawancara tak berencana adalah wawancara yang tidak mempunyai persiapan sebelumnya. Wawancara ini adakah berfokus dan adakahnya bebas. Wawancara berfokus terdiri dari pertanyaan yang tidak mempunyai aturan tertentu, akan tetapi tertuju kepada satu permasalahan, wawancara bebas pula, iaitu wawancara yang tidak mempunyai permasalahan

---

<sup>86</sup> Kuntjara Ningrat (1991), *op. cit.*, h. 130

<sup>87</sup> *Ibid*

tertentu dengan pertanyaan-pertanyaan yang beralih dari satu masalah kepada masalah yang lain<sup>88</sup>

Adapun metode wawancara yang digunakan dalam penulisan disertasi ini adalah bentuk wawancara kedua, iaitu wawancara tak berencana yang berfokus yang tertuju kepada permasalahan tertentu. Dalam hal ini penulis telah melakukan temubual keatas dua orang responden yang telah memberikan sedikit sebanyak tentang maklumat yang berkaitan dengan masalah penyelidikan yang sedang dilakukan.

## **1.7. SISTEMATIKA PENULISAN**

Dalam penulisan disertasi ini, penulis telah membahagikannya kepada lima bab utama. Bagi setiap bab terdapat beberapa fasal yang merupakan tajuk-tajuk kecil sebagai penjelasan dan huraihan dari tajuk utama. Pembahagian bab-bab tersebut adalah seperti berikut:

Bab pertama adalah sebagai pendahuluan. Dalam bab ini penulis menerangkan mengenai latar belakang Indonesia serta beberapa kerajaan Islam di Sumatera. Untuk lebih melengkapi lagi dalam bab ini penulis memuatkan beberapa masalah yang lain sebagai melengkapkan penyelidikan, seperti skop dan batasan kajian, pengertian tajuk, perumusan masalah, tujuan penyelidikan, metodologi penyelidikan dan penulisan serta sistematika penulisan.

---

<sup>88</sup> *Ibid*

Bab kedua landasan teori. Dalam bab ini pembahasan tertumpu kepada perbincangan mengenai Pertumbuhan kerajaan Melayu Deli, sistem pemerintahan serta asal usul masyarakat Melayu Deli.

Bab ketiga menerangkan tentang penyebaran Islam di kerajaan Deli, beberapa faktor penyebaran Islam, teori kedatangan Islam serta peranan kerajaan Deli dalam penyiaran Islam di daerah Sumatera.

Bab keempat laporan penyelidikan, dalam bab ini penulis menerangkan tentang masalah pengaruh Islam terhadap kerajaan Melayu Deli. Dalam bab ini penulis telah mengemukakan beberapa aspek Islam yang mempengaruhi kerajaan Melayu Deli.

Bab kelima adalah penutup, dalam bab ini penulis telah membuat beberapa kesimpulan ke atas hasil daripada penyelidikan yang telah dilakukan. Disamping itu juga penulis telah mengemukakan beberapa saranan yang dianggap perlu diambil perhatian oleh pihak-pihak tertentu dan terakhir sekali bab ini dilengkapi dengan penutup.